

# Johari jumpa DBKL bincang isu parkir Kompleks Pasar Raja Bot

**KUALA LUMPUR** – Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani akan mengadakan satu perjumpaan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membincangkan tentang isu tempat letak kereta di Kompleks Pasar Raja Bot di Jalan Raja Alang pada Jumaat depan.

Beliau berkata, perkara itu susulan keluhan peniaga yang sudah berpindah ke kompleks tersebut serta berdepan masalah kekurangan pelanggan berikutan orang ramai lebih memilih untuk ke pasar transit.

“Rentetan masalah itu juga terdapat ramai peniaga berkeras untuk berpindah ke kompleks baharu kerana bimbang hilang punca pendapatan.

“Semasa peniaga-peniaga ini berniaga di kawasan ini 10 tahun yang lalu, mereka bersetuju untuk membuat pembangunan.

“Oleh kerana pembangunan



**JOHARI (dua dari kanan) ketika meninjau keadaan di pasar lama bersebelahan bangunan baharu Kompleks Pasar Raja Bot di Kuala Lumpur semalam. – AMIR KHALID**

mengambil masa lama, lebih daripada 10 tahun, ramai pelanggan mereka lari. Apabila pasar baru ini siap, pindah ke dalam tak ada orang nak datang,” katanya selepas melawat Kompleks Pasar Raja Bot, di sini semalam.

Johari yang merupakan Menteri Perladangan dan Komoditi itu berkata, pembangunan di kawasan itu lebih memfokuskan kepada kedai-kedai berbanding tempat letak kenderaan menyebabkan jalan tersebut sesak.

“Pasar ini unik kerana melibatkan berbilang bangsa, bukan satu kaum sahaja,” katanya.

Sementara itu, Presiden Peratuan Peniaga Bumiputera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, pada asalnya kompleks tersebut memperuntukkan kepada kira-kira 1,200 peniaga sahaja, tetapi ketika ini bilangan itu makin bertambah.